



---

## KENYATAAN MEDIA

### MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

### MERANGKAP PENGERUSI BERSAMA CITF

---

#### **TERENGGANU DIJANGKA MEMULAKAN PROGRAM VAKSINASI UNTUK REMAJA PADA HUJUNG BULAN SEPTEMBER 2021**

Sehingga hari ini, Malaysia telah mencapai peratusan kadar vaksinasi melebihi 90% bagi populasi dewasa yang telah menerima sekurang-kurangnya dos satu. Manakala lebih 72% telah lengkap divaksinasi. Peratusan populasi keseluruhan negara juga amat memberangsangkan dengan lebih 52% yang telah lengkap divaksinasi dan lebih 65% telah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Untuk makluman, Terengganu telah berjaya mencapai kadar peratusan vaksinasi lengkap bagi populasi dewasa melebihi 66.8% pada 11 September 2021. Sementara itu, lebih 90.54% daripada populasi dewasa telah menerima sekurang-kurangnya dos satu.

Melihat kepada data ini, Terengganu dijangka mencapai kadar peratusan populasi dewasa lengkap divaksinasi 80% pada minggu akhir bulan September 2021 dan seterusnya dapat memulakan program vaksinasi untuk remaja setelah mendapat persetujuan Kementerian Kesihatan Malaysia. Untuk rekod, di Terengganu, seramai 93,262 remaja telah dikenalpasti layak untuk divaksinasi dan program vaksinasi akan dijalankan di sekolah-sekolah.

Sehingga jam 11 malam 11 September 2021, pemberian kumulatif dos vaksin di Terengganu setakat ini adalah 1,256,642. Sementara itu, pecahan kadar vaksinasi bagi negeri Terengganu mengikut kategori adalah seperti berikut:

Warga emas	: 101,551 (dos 1), 87,538 (dos 2)
Orang kurang upaya	: 24,415 (dos 1), 16,093 (dos 2)
Individu dengan komorbiditi	: 328,976 (dos 1), 221,301 (dos 2)

Berdasarkan pembentangan pemantauan pengedaran vaksin COVID-19 semasa Mesyuarat CITF, Terengganu bakal menerima bekalan vaksin sebanyak 643,187 dos sepanjang bulan September ini.

Terengganu juga telah memperluaskan vaksinasi *walk-in* di mana inisiatif tersebut telah dibuka kepada individu berumur 18 tahun ke atas di PPV tertentu di semua daerah. Setakat ini, sekurang-kurangnya 14 PPV telah menerima vaksinasi *walk-in* untuk semua populasi dewasa.

#KeluargaMalaysia  
#BekerjaBersamaRakyat  
#LindungDiriLindungSemua

**Dato' Sri Dr. Adham Baba**

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi/  
Pengerusi Bersama CITF  
12 September 2021